

YB mesti ikut peraturan: Najib

Jawatan wakil rakyat tanggungjawab besar, bukan untuk disalah guna

Oleh Ahmad Ghazali Musa

KUANTAN: Datuk Seri Najib Razak mengingatkan wakil rakyat tidak melanggar undang-undang dan peraturan negara, sebaliknya menjalankan tugas secara bertanggungjawab dan amanah.

"Kita sentiasa mengingatkan wakil rakyat bahawa bila kita mempunyai jawatan sebagai wakil rakyat, jawatan itu membawa tanggungjawab besar yang mana kita mesti dilihat sebagai orang beramanah dan bertanggungjawab, menghormati undang-undang dan peraturan negara," katanya.

Bagaimanapun, kata Timbalan Perdana Menteri, ini bukan bermakna orang lain tidak melakukan kesalahan.

"Ramai juga buat rumah dan kilang haram, mereka juga melakukan kesalahan, bagi wakil rakyat ada tanggungjawab lebih berat daripada orang lain," katanya kepada pemberita pada Majlis Jamuan Aidilfitri di Parlimen Pekan di Dataran Pekan, di

"Ramai buat rumah dan kilang haram, tapi wakil rakyat ada tanggungjawab lebih berat daripada orang lain"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

sini, semalam.

Lebih 20,000 tetamu hadir pada majlis yang turut disertai isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Ketua Umno Bahagian Pekan, Datuk Ishak Muhamad dan pemimpin negeri.

Najib diminta mengulas tahap tanggungjawab dan peranan wakil rakyat dalam melaksanakan tugas dan menggunakan pengaruhnya supaya tidak melanggar undang-undang dan peraturan negara.

Ketika ditanya kenaikan Indeks Komposit (IK) Bursa Malaysia yang melebihi 1,000 mata, beliau berharap prestasi memberangsangkan itu dapat terus dipertahankan dalam tempoh jangka panjang.

Sambil menyatakan rasa gembira dengan perkembangan itu, beliau berkata, bagi mengekalkan prestasi itu, pelabur tidak sewajarnya membuat keputusan tergesa-gesa dengan cara mengambil keuntungan cepat.

"Saya gembira dengan perkembangan terakhir ini bahawa kita melihat indeks Bursa Malaysia sudah pun melewati angka 1,000 mata. Yang penting ialah kita menentukan jumlah ini dapat dipertahankan atau mampan.

"Untuk kita menentukan angka ini mampan, maka kita tak boleh cepat sangat nak buat pengambilan untung, kalau kita jual saham kita, indeks Bursa Malaysia akan merudum semula.

"Kita harap ia akan menjadi titik permulaan kepada lonjakan secara berterusan bagi jangka waktu panjang dengan terlaksana dasar dan

juga program.

"Saya yakin projek menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan merencanakan pertumbuhan dan kegiatan ekonomi yang pastinya berlaku perubahan. Besar kepada keyakinan pasaran tempatan," katanya.

IK Bursa Malaysia ditutup pada paras tertinggi baru dalam tempoh

hampir tujuh tahun kelmarin, disokong belian terhadap saham mewah serta saham syarikat perladangan dan kewangan.

Penanda aras utama bursa tempatan itu kelmarin mengakhiri urusan kepada 995.25 mata, naik 5.91 mata atau 0.6 peratus.

Mengenai cadangan Kementerian Pelajaran untuk meneliti semula sis-

tem peperiksaan kebangsaan, Najib berkata, perkara itu akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri untuk dibincangkan.

"Kita sedar selama ini kurikulum kita dipersoalkan antaranya ialah kita terlalu padat dan kedua ialah sistem pendidikan kita masih menjurus kepada menghafalan," katanya.